

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERAYAAN
ULANG TAHUN YANG KE DUA PULUH LIMA
UMNO DAN MERASMIKAN PAMIRAN KEMA-
JUAN NEGERI, DI KUALA KANGSAR PADA
19HB JUN, 1971

Y.A.B. Dato' Haji Kamaruddin, Saudara-saudara sekalian,

Saya mengucapkan syukur ke hadrat Tuhan Rabul'alamin kerana dengan hidayatNya kita dapat berhimpun di sini merayakan ulang tahun suku abad UMNO. Meskipun tarikh perayaan yang sebenar sudah berlalu sebulan yang lepas, memanglah tujuan saya supaya perayaan ini disambung pada peringkat negeri supaya ahli-ahli UMNO di Bahagian-bahagian dan cawangan-cawangan dapat bersama-sama menyambut serta merayakan tarikh yang bersejarah itu.

Saya suka mengambil peluang ini menyatakan setinggi-tinggi tahniah khasnya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan Negeri, dan tidak kurang juga kepada Jawatankuasa-jawatankuasa serta Jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang telah berpenat lelah mengaturkan persiapan-persiapan dengan sempurna. Melihat pada acara-acara yang telah disusun, tidak syak lagi ahli-ahli UMNO dan juga orangramai yang berhimpun dengan ramainya hari ini akan sentiasa mengingat peristiwa ini dalam kenangan-kenangan mereka.

Saudara-saudara,

Sebagaimana yang sama-sama kita maklum, Parti UMNO yang kita kasihi ini telah kita tegakkan bersama-sama dua puluh lima tahun dahulu. Setengah-setengah dari tokoh yang turut serta mendirikan UMNO di Negeri Perak ini sudah tiada lagi bersama-sama kita seperti Allahyarham Encik Tahir, Datuk Panglima Bukit Gantang dan beberapa orang lagi dan sewajarnya kita bertafakur mengenang jasa serta sumbangan mereka itu. Berkat keazaman dan ketabahan mereka itulah UMNO telah berjaya menegakkan semula kedaulatan Raja-raja Melayu serta mengekalkan hak-hak orang Melayu di tanah air kita ini.

Rasanya tidaklah payah saya berpanjang lebar tentang sejarah perjuangan kita setelah menguburkan Malayan Union hingga tercapai kemerdekaan empat belas tahun dahulu.

Saudara-saudara,

Sebenarnya tujuan kita mengadakan perayaan seperti ini bukanlah semata-mata kerana bersuka-ria, merasa puas hati atas kejayaan-kejayaan kita selama dua puluh lima tahun ini. Seperti yang telah saya tegaskan pada Perhimpunan Khas bulan lepas adalah lebih penting bagi kita mensifatkan ketika yang bersejarah ini sebagai titik permulaan baru, memandang ke hadapan menentukan dasar dan peranan yang mesti dijalankan oleh Parti kita pada beberapa tahun yang akan datang ini. Oleh kerana itulah kita telah mengambil keputusan menyemak serta mengkaji semula dasar dan perjalanan Parti, dan mengambil langkah-langkah yang perlu menyesuaikan dasar dan perjalanannya dengan keadaan masa dan juga kehendak-kehendak orang-orang Melayu khususnya serta kehendak-kehendak negara.

Dalam hubungan ini, beberapa perubahan telahpun dibuat dan dijalankan untuk memperkemas serta memperlicinkan perjalanan UMNO kita ini. Di samping itu, pindaan-pindaan kepada Perlembagaan kita telah juga dipersetujui. Saya mengucapkan syukur serta berterima kasih atas sokongan serta kepercayaan saudara-saudara sekalian kepada pimpinan UMNO di bawah ketuaan saya dengan bantuan rakan-rakan saya yang lain.

Saudara-saudara,

Seperti yang telah saya katakan di masa-masa lepas, UMNO telah memberikan sumbangan-sumbangan yang besar kepada negara dalam tugasnya sebagai salah satu pendukung Kerajaan Perikatan. Selama dua belas tahun sejak kita merdeka, kita telah berbuat sedaya upaya mengisi dan memberi makna kepada kemerdekaan supaya rakyat dapat mengecap nikmat kemerdekaan. Kerajaan telah menjalankan segala langkah-langkah yang difikirkan perlu bagi menyediakan tapak asas ekonomi dan kemudahan-kemudahan kepada rakyat yang tinggal di kampung-kampung dan juga di bandar-bandar. Kerajaan telah juga berusaha meninggikan taraf kehidupan rakyat di segala bidang supaya mereka dapat hidup dalam keadaan yang lebih sempurna. Serentak dengan itu, kita telah memperkukuhkan kedudukan politik dalam negeri dan dengan demikian menaikkan nama serta mertabat negara di mata dunia.

Bagaimanapun tugas-tugas yang kita dukung masih belum selesai, bahkan dari pengalaman-pengalaman kita dalam satu dua tahun yang lepas ini, masih banyak yang harus dikerjakan demi kepentingan negara pada masa hadapan.

Saya syukur dan sukacita perasaan harmoni dan muhibbah di kalangan rakyat kita sedang berkembang dengan sihat terutama melihat ramainya perhimpunan pagi ini. Tetapi keadaan ini hanya terdapat di tempat-tempat yang tertentu saja kerana pada hakikatnya perpaduan yang sebenar belumlah berakar umbi dengan mendalam. Adalah mustahak sekali terutama bagi menghadapi cabaran masa depan, semangat muhibbah dan perpaduan ini meresap semua lapangan kehidupan rakyat kerana hanya dengan demikian barulah kita dapat menjamin keteguhan bangsa dan negara.

Saudara-saudara,

Tahun-tahun yang akan datang atau tahun-tahun tujuh puluhan ini merupakan tempuh yang crucial bagi kita semua yang menentukan untung nasib negara. Tidak berapa lama dahulu, saya telah menerangkan garis-garis Rancangan Lima Tahun Malaysia Kedua, yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru Negara. Masalah yang paling berat ialah kemiskinan dan pengangguran. Dalam tempuh 1971-1975 Kerajaan akan membelanjakan \$7,320 juta dan jumlah yang hampir-hampir sama dijangkakan dari kalangan swasta bagi melaksanakan rancangan-rancangan yang diharap dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi sambil mengawal kadar pengangguran pada 7%.

Dengan membuka rancangan-rancangan tanah baru yang meliputi kira-kira satu juta ekar dan meluaskan perindustrian ke bandar-bandar yang kecil, kita berharap dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada belia-belia kita dan juga kepada mereka yang tidak mendapat peluang di masa lepas. Pendek kata, kerajaan yang saya pimpin ini berazam bukan sahaja hendak memenuhi janji-janji kita kepada rakyat tetapi juga ingin meletakkan rakyat negara kita di tempat yang sewajarnya, setanding dengan rakyat yang sudah maju.

Dalam pada itu, sudah semestinya pula rakyat sentiasa berjaga-jaga kerana musuh-musuh negara masih berada di tengah-tengah

kita. Kejadian di dekat Sungai Siput baru-baru ini mengingatkan kita kepada bahaya angkara Kominis yang bertujuan memusnahkan negara dan memaksakan kekuasaan mereka ke atas rakyat. Saya yakin dan percaya, ancaman ini dapat kita hadapi berkat perpaduan rakyat dan kepercayaan yang teguh kepada ugama dan prinsip-prinsip demokrasi. Tambahan pula, adanya hubungan kita yang erat dengan negara-negara tetangga khususnya Thailand, menjalinkan langkah dan usaha-usaha kerjasama di kawasan sempadan untuk menghancurkan musuh-musuh itu.

Saya suka sekali lagi menegaskan mustahaknya sokongan dan kerjasama rakyat dengan anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita yang bersedia berkorban jiwa demi keselamatan rakyat dan negara. Kita sekali-kali tidak ingin keadaan zaman darurat berulang lagi di negara ini.

Saudara-saudara,

Saya sukacita juga melihat adanya Pamiran Kemajuan Perak dalam bidang perayaan ini yang akan saya rasmikan sebentar lagi. Dari pamiran ini, kita dapat mengukur setakat mana kita sudah sampai menuju matlamat negara memberikan pentadbiran dan kehidupan yang sempurna kepada rakyat. Kita berpuas hati, sejak kemerdekaan kita dapat mengekalkan jentera pentadbiran yang berjalan baik dan teratur. Bagaimanapun, untuk menghadapi tugas-tugas pembangunan yang lebih besar seperti saya katakan tadi, kecekapan pentadbiran mustahaklah diperbaiki setiap masa supaya segala langkah dan usaha berjalan dengan teratur tanpa rintangan.

Di samping jentera pentadbiran biasa, saya telah juga mengaturkan satu sistem pentadbiran darurat terdiri dari pentadbiran awam, pihak polis dan tentera iaitu berdasarkan pengalaman kita selepas kejadian 13 Mei, dulu. Bagi menghadapi sebarang kemungkinan, baik dari segi keselamatan ataupun bencana alam seperti banjir, jentera ini akan bertindak terus menghadapi masalah-masalah yang dihadapi itu dan menyelesaikannya.

Saudara-saudara,

Setakat yang mengenai negeri Perak ini, banyak kemudahan baru yang akan dinikmati rakyat iaitu jalanraya Timur-Barat yang

mana kelak akan membolehkan penerokaan kawasan-kawasan tanah untuk pertanian dan perlombongan. Begitu juga, bagi saudara-saudara kita yang diam di kawasan seberang sungai Perak, pembinaan semula jambatan Idris Shah di Bota tentu akan melegakan kerumitan yang dialami mereka sejak jambatan yang dahulu itu dilanda banjir empat tahun lalu dalam tahun 1967.

Saya yakin di bawah pimpinan Y.A.B. Datuk Haji Kamaruddin, Menteri Besar, dan rakan-rakannya, negeri Perak akan melihat kemajuan-kemajuan yang besar dan cemerlang, yang akan memberikan rakyat negeri ini kesenangan dan keadaan hidup yang lebih sempurna.

Saudara-saudara,

Seperti yang saya sebutkan tadi, Kerajaan sudah pun menyiapkan rancangan-rancangan yang tegas, yang akan mula dilaksanakan apabila diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidangnya bulan depan ini. Kerajaan berazam hendak membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, baik di kampung ataupun di bandar-bandar. Serentak dengan itu, kita akan menyusun semula masyarakat—restructure society—dengan harapan dalam tempoh dua puluh atau tiga puluh tahun ke hadapan ini akan terdapat perimbangan ekonomi yang wajar antara rakyat berbilang bangsa. Dengan demikian, rakyat khususnya golongan bumiputra akan menikmati kehidupan yang lebih sempurna, maju dan modern sesuai dengan zaman sains dan teknologi ini.

Bagaimana pun, kita sedar bahawa kemajuan yang kita ingini di bidang ekonomi hendaklah seimbang pula dengan kemajuan di bidang rohani dan kesusilaan. Identity atau keperbadian bangsa yang ingin kita ciptakan itu tidaklah lengkap atau sempurna kalau sifat-sifat kemanusiaan yang baik yang dianugerahi oleh Allah kepada kita tidak dipupuk dan dipelihara sebaik-baiknya. Al' Quran telah berkata "Allah menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian." Adalah tujuan kita benar-benar membangunkan keperbadian Insan Kamil ini dalam ertikata yang sepenuhnya. Dengan kerana itu, kita telahpun menyusun prinsip-prinsip Rukun Negara dan menjadikan panduan hidup bagi semua rakyat. Rukun Negara, yang menegaskan sifat-sifat baik manusia kesopanan dan kesusilaan semestinya menjadi amalan hidup kita semua, tua dan muda, terutama mereka masih berada di bangku sekolah.

Saya ingin mengingatkan terutama sekali golongan muda supaya mereka insaf dan memahami betapa mustahaknya kita memelihara sifat-sifat kesopanan dan kesusilaan baik dalam hubungan sesama kita lebih-lebih lagi dengan orang-orang lain. Keagungan sesuatu bangsa bukanlah terletak semata-mata pada kemajuan ekonomi, sains atau teknologi. Di atas segala-gala ini, adalah penting kita berpegang teguh pada nilai-nilai ugama dan adat resam yang kita warisi, yang mana pada muktamadnya menentukan haluan hidup kita sebagai manusia yang bertamaddun. Saya berpendapat akan sia-sialah usaha kita mengejar cita-cita keperbadian bangsa yang moden dan progresif kalau sifat-sifat yang baik, kesopanan dan ketertiban hidup diabaikan dan tidak dihiraukan sama sekali.


Begitu juga kita rakyat negeri ini terutama ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu mestilah tahu haluan yang hendak ditujukan, apakah priority atau keutamaan yang mustahak bagi kita.

Kita berkehendakan kehidupan yang modern dan maju. Kita kehendakkan bahagian dalam lapangan ekonomi. Kita berkehendakkan pelajaran tinggi untuk membolehkan kita mengambil bahagian yang sempurna dalam lapangan kemajuan di zaman yang penuh dengan kemajuan sains dan teknologi.

Kerajaan berazam hendak memberi peluang-peluang yang dikehendaki tetapi mestilah kita berani mengemukakan peluang ini dengan sepenuhnya. Kita telah rancangkan kemajuan yang besar untuk memberi orang-orang Melayu, peluang dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Begitu juga kita telah meluaskan peluang-peluang dalam lapangan pelajaran di semua peringkat. Dalam tahun 1957 hanya 12% orang-orang Melayu di Universiti—hari ini 45% orang di Universiti Malaya dan 85% di Universiti Kebangsaan. Kita adakan beribu-ribu Scholarship-scholarship, baik untuk belajar dalam negeri mahu pun di luar. Kita berkehendakkan mereka itu mendapat pengetahuan dan pengalaman tinggi untuk berkhidmat bagi Bangsa dan Negara. Kita berkehendakkan mereka itu menjadi ketua-ketua, penganjur-penganjur yang bukan sahaja berkeliber yang tinggi bahkan yang bertanggungjawab yang mempunyai tata tertib dan kelakuan yang sempurna. Untung nasib bangsa-bangsa dan negara bergantung kepada mereka itu.

Sebab itu kita berkehendakkan mereka menumpukan sepenuhnya masa, tenaga kepada pelajaran mereka—menunjukkan kelakuan yang baik, kesopanan dan kesusilaan yang baik.

Sekianlah sahaja yang dapat saya ucapkan dan dengan sukacitanya saya merasmikan perayaan ulang tahun UMNO suku abad Negeri Perak dan Pamiran Kemajuan Negeri Perak dengan harapan semoga Negeri Perak ini akan mencapai kejayaan yang lebih-lebih lagi di masa akan datang.



Tun Abdul Razak sedang berbual-bual dengan para jemputan di rumah baru Tun Datu Mustaffa semasa beliau mengadakan lawatan ke Sabah dari 20hb hingga 26hb Jun, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)